




**TIMBALAN KETUA PENGARAH
PERKHIDMATAN AWAM (PEMBANGUNAN)
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 03-88853002
Faks : 03-88892639
E-mel : abkhalil@jpa.gov.my
Web : http://www.jpa.gov.my



Rujukan Kami : JPA.(S)NP.134/2/3Kit 3 (114)
Tarikh : 30 September 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PENDEDAHAN KEPADA PEGAWAI YANG MEMPUNYAI KELULUSAN DI
PERINGKAT DOKTOR FALSAFAH DALAM MESYUARAT PENGURUSAN
TERTINGGI DI KEMENTERIAN DAN JABATAN**

Saya dengan hormatnya diarah menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/
Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan
Awam telah mencadangkan supaya pegawai muda yang mempunyai kelulusan di
peringkat Doktor Falsafah (PhD) dan berpotensi, diberikan keutamaan pendedahan
lebih awal dalam bidang pengurusan dan perancangan di peringkat
Kementerian/Jabatan. Ia boleh dilaksanakan melalui penglibatan pegawai dalam
mesyuarat pengurusan tertinggi Kementerian/Jabatan, pembentangan kertas serta
penglibatan dalam sesi perbincangan dan sebagainya selaras dengan
perancangan dalam kemajuan kerjaya pegawai.

3. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan amat
dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATUK AB. KHALIL BIN AB. HAMID)
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA.